

HYDROCHLORZIDE TABLET

Hydrochlorothiazide (25 & 50 mg)

Apakah yang ada pada risalah ini

1. Apakah kegunaan *Hydrochlorzide Tablet*
2. Bagaimana *Hydrochlorzide Tablet* berfungsi
3. Sebelum menggunakan *Hydrochlorzide Tablet*
4. Cara menggunakan *Hydrochlorzide Tablet*
5. Semasa menggunakan *Hydrochlorzide Tablet*
6. Kesan-kesan sampingan
7. Cara Penyimpanan dan Pelupusan *Hydrochlorzide Tablet*
8. Maklumat Lanjut
9. Pengilang dan Pemegang Pendaftaran Produk
10. Tarikh Kemaskini RiMUP
11. Nombor siri

Apakah kegunaan *Hydrochlorzide Tablet*

Hydrochlorzide Tablet digunakan untuk merawat bengkak air pada pesakit jantung, sirosis hati, atau gangguan buah pinggang, atau edema yang disebabkan oleh pengambilan steroid atau estrogen.

Ubat ini juga digunakan untuk merawat tekanan darah tinggi (hipertensi).

Bagaimana *Hydrochlorzide Tablet* berfungsi

Hydrochlorothiazide tergolong dalam kumpulan thiazide diuretik yang bertindak secara langsung pada ginjal bagi meningkatkan perkumuhan air, di mana ini akan mengurangkan isipadu darah serta tekanan pada salur darah.

Sebelum menggunakan *Hydrochlorzide Tablet*

Bila tidak boleh menggunakan

Jangan gunakan *Hydrochlorzide Tablet* jika anda:

- alahan (hipersensitif) terhadap hydrochlorothiazide, terbitan-sulfonamide yang lain atau bahan-bahan lain yang terkandung dalam ubat ini.
- pernah mengalami ketiadaan air kencing (gangguan kencing)
- sedang menyusukan anak atau merancang untuk penyusuan

Sebelum menggunakan *Hydrochlorzide Tablet*

Beritahu doktor atau ahli farmasi

sebelum mengambil *Hydrochlorzide Tablet* jika anda:

- mempunyai kerosakan hati atau ginjal.
- mengetahui anda mempunyai paras elektrolit (kalium, natrium, klorida, magnesium) rendah dan kekurangan cecair.
- mempunyai gout dan/atau kencing manis
- mempunyai gangguan sistem pertahanan badan sendiri (SLE, *Systemic lupus erythematosus*)
- hamil, atau merancang untuk hamil
- sedang menyusukan anak atau merancang untuk penyusuan
- mengalami masalah paru-paru dan kesukaran bernafas (termasuk keradangan atau cecair pada paru-paru) berikutan pengambilan hydrochlorothiazide. Jika mengalami sesak nafas yang teruk atau kesukaran bernafas selepas mengambil tablet ini, segera dapatkan rawatan.
- maklum doktor atau ahli farmasi anda sebelum mengambil ubat ini jika anda pernah mengalami kanser kulit atau memiliki luka kulit yang tidak dijangka ketika rawatan hydrochlorothiazide. Penggunaan hydrochlorothiazide berpanjangan dengan dos yang tinggi boleh menyebabkan risiko kanser sebahagian kulit dan bibir (kanser kulit bukan melanoma). Lindungi kulit anda daripada pendedahan matahari dan sinar UV ketika menggunakan *Hydrochlorzide Tablet*.

Jika mengambil ubat-ubat lain

Sila beritahu doktor atau ahli farmasi jika anda sedang atau kebelakangan ini mengambil alkohol, barbiturat, narkotik, ubat kencing manis, ubat darah tinggi, kortikosteroid dan ACTH, lithium dan sebarang ubat tanpa preskripsi.

Cara menggunakan *Hydrochlorzide Tablet*

Berapa banyak harus digunakan

- Dos permulaan biasa bagi orang dewasa dengan diuresis ialah 25 hingga 200mg sehari. Dos penyelenggaraan ialah 25 hingga 100mg sehari, bergantung kepada tindak balas pesakit.

- Dos biasa bagi orang dewasa dengan hipertensi ialah 25 hingga 50mg sekali atau dua kali sehari.
- Dos oral biasa untuk kanak-kanak ialah 2mg/kg sehari, diberikan dalam dua dos berasingan.
- Bayi di bawah umur 6 bulan mungkin memerlukan sehingga 3 mg/kg sehari dalam dua dos berasingan.

Bila perlu digunakan

Hendaklah diambil mengikut arahan doktor atau ahli farmasi anda.

Berapa lama perlu digunakan

Berdasarkan preskripsi doktor atau ahli farmasi. Rujuk kepada doktor atau ahli farmasi sebelum mengambil ubat ini untuk tempoh masa yang lebih panjang.

Jika terlupa menggunakan

Ambil secepat mungkin apabila anda teringat. Jika dos seterusnya adalah hampir, ambil dos yang seterusnya. Jangan ambil dos berganda untuk menggantikan dos yang terlepas.

Jika mengambil berlebihan (terlebih dos)

Hubungi doktor anda dengan segera atau pergi ke Jabatan Kecemasan hospital terdekat, jika dos berlebihan telah digunakan. Ini perlu dilakukan walaupun tiada sebarang kesan keracunan atau rasa tidak selesa. Anda mungkin memerlukan perhatian perubatan segera.

Semasa menggunakan *Hydrochlorzide Tablet*

Perkara yang perlu dilakukan

Sentiasa cuci tangan sebelum mengambil tablet. Makan tablet bersama air dan cuba mengambilnya pada waktu yang sama setiap hari.

Perkara yang tidak boleh dilakukan

Jangan mengunyah tablet. Telan tablet dengan air. Jangan mengambil ubat ini dengan sendiri tanpa preskripsi doktor atau ahli farmasi.

HYDROCHLORZIDE TABLET

Hydrochlorothiazide (25 & 50 mg)

Perkara yang perlu diberi perhatian

Memandu dan menggunakan mesin *Hydrochlorzide Tablet* berkemungkinan akan mengganggu keupayaan anda memandu dan mengendalikan jentera.

Jika ubat ini membuat anda berasa sakit, pening, atau letih, atau menyebabkan anda sakit kepala, jangan memandu atau menggunakan mesin dan hubungi doktor anda dengan segera.

Kesan-kesan sampingan

- sakit perut, muntah, mual, cirit birit, sembelit
- pening, sakit kepala
- sesemut dan tusukan
- tekanan darah yang rendah
- paras gula darah yang tinggi
- ketidakseimbangan elektrolit
- profil sel darah yang tidak normal
- ruam kulit dan gatal-gatal
- jarang berlaku: Tekanan Respiratori kritikal (ARDS simptom termasuk sesak nafas, demam, kelemahan dan kekeliruan)
- frekuensi 'tidak diketahui': Kanser kulit dan bibir (kanser kulit bukan melanoma)

Anda boleh melaporkan sebarang kesan sampingan atau kesan advers ubat kepada Pusat Pemantauan Kesan Advers Ubat Kebangsaan melalui laman web npra.gov.my [Consumers → Reporting Side Effects to Medicines (ConSERF) or Vaccines (AEFI)].

Cara Penyimpanan dan Pelupusan *Hydrochlorzide Tablet*

Penyimpanan

Simpan di bawah suhu 30°C.

Jauhi dari kanak-kanak.

Jangan ambil ubat ini selepas tarikh luput.

Pelupusan

Ubat-ubatan tidak harus dilupuskan melalui air buangan atau sisa isi rumah. Sila rujuk kepada ahli farmasi anda mengenai cara yang betul untuk melupuskan ubat yang tidak diperlukan lagi. Langkah-langkah ini dapat membantu melindungi alam sekitar.

Maklumat Lanjut

Rupa dan warna produk

Hydrochlorzide-25 Tablet

Tablet oren terang, berbentuk bulat rata dengan ukiran 'XS' dan garis tengah pada satu belah dan tanpa garis pada sebelah yang lain, berdiameter 6.3mm. Didapati dalam bentuk pek blister 30's dan 100's.

Hydrochlorzide-50 Tablet

Tablet oren terang, berbentuk bulat rata dengan ukiran 'XS' dan garis tengah pada satu belah dan tanpa garis pada sebelah yang lain, berdiameter 7.9mm. Didapati dalam bentuk pek blister 30's dan 100's.

Bahan-bahan kandungan

Hydrochlorzide-25 Tablet

Bahan aktif:

Hydrochlorothiazide 25mg

Bahan tidak aktif:

Maize Starch, Polyvinylpyrrolidone, Magnesium Stearate, Dioctyl sodium, sulphosuccinate, Purified Water, Colloidal Silicone Dioxide, Isopropyl Alcohol, Lactose, FDC Yellow colour

Hydrochlorzide-50 Tablet

Bahan aktif:

Hydrochlorothiazide 50mg

Bahan tidak aktif:

Maize Starch, Polyvinylpyrrolidone, Magnesium Stearate, Dioctyl sodium, sulphosuccinate, Purified Water, Colloidal Silicone Dioxide, Isopropyl Alcohol, Lactose, Sunset Yellow, Ponceau 4R Colour

Nombor MAL

Hydrochlorzide-25 Tablet:

MAL19860190ARZ

Hydrochlorzide-50 Tablet:

MAL19860189ARZ

Nama-nama Pengilang

Dibungkus dan dikeluarkan oleh

GoodScience Sdn. Bhd.

No. 7, Jalan KPK 4/3,

Kawasan Perindustrian Kundang,

Kundang Jaya, 48020 Rawang,

Selangor, Malaysia.

Dikilang oleh

Xepa-Soul Pattinson (Malaysia) Sdn. Bhd.

1-5 Cheng Industrial Estate,

75250 Melaka, Malaysia.

Pemegang Pendaftaran Produk

GoodScience Sdn. Bhd.

No. 7, Jalan KPK 4/3,

Kawasan Perindustrian Kundang,

Kundang Jaya, 48020 Rawang,

Selangor, Malaysia.

Tarikh Kemaskini RiMUP

04/07/2024

Nombor Siri

NPRA(R2) 191220/307